

MUSA BERK-SAMA SERAN U SELIDIK PERTANIAN, HUTAN

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Musa Hitam menggesa Negara-Negara ASEAN mengumpul sumber saintifik dan kewangan untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang pertanian dan perhutanan demi kepentingan rantau ini.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, penyelidikan ini memerlukan pelaburan yang banyak memandangkan ia perlu pakar-pakar sains dalam bidang pengkhususan seperti palikologi tumbuh-tumbuhan, bio-kimia dan pembiakan.

"Sebagai negara membangun adalah sukar untuk menjalankan penyelidikan persendirian kerana kekurangan kewangan dan kakitangan untuk mengatasi masalah tersebut.

"Kita juga tidak mampu bersabar menunggu pemindahan teknologi dari negara maju memandangkan teknologi sen-

Oleh JAMALUDIN BAKAR

tiase berkembang dan menyediakan ruang baru," menyedikan ruang baru," ujarnya.

Oleh itu, tegas beliau, ASEAN sebagai sebuah pertubuhan memberi peluang baik untuk kerjasama erat dalam bidang tersebut bagi kepentingan berassama.

Kerjasama

Datuk Musa berkata demikian ketika merasmikan pembukaan perisidangan Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN di Hotel Equatorial di sini pagi ini.

Menurutnya lagi, penyelidikan yang dibuat itu hendaklah di salurkan kepada petani kerana mereka itu lebih memahami kegunaannya di samping mengunggulkan.

"Negara-Negara ASEAN juga boleh mempelajari antara satu sama lain mengenai kebaikan dan kelemahan teknologi yang di amalkan di negara masing-masing."

"Ini membolehkan di kalangan

ASEAN mengambil dan menggunakan teknologi yang mengunggulkan," ujar beliau.

Timbalan Perdana Menteri memuji kemajuan yang dicapai di perisidangan tersebut meskipun mereka baru bersama selama tiga tahun.

Katanya, Negara-Negara ASEAN telah dapat menjalankan kerjasama erat dalam bidang biduan iaitu dalam membuat peraturan dan prosedur mengimport dan memindahkan hidupan di kalangan rantau ini.

ASEAN juga mengambil langkah memperkuhkan dan mengutamakan kemudahan kerantin serta mengatasi masalah penyakit binatang.

Perikanan

Di samping itu, ASEAN dapat bekerjasama dalam menghalang penyakit, menjimatkan mengurus proses kays-kayaan, penyelidikan dan pembangunan, pelajaran dan latihan dan membuat pendidikan bersama dalam isu antarabangsa seperti isu perhutanan terutama bidang teknikal, ekonomi dan perdagangan.

Bagaimanapun, Datuk Musa memberitahu, beliau masih tidak puas hati mengenai perikanan yang masih perlu diselarakan.

Katanya, beliau berharap dapat menyelesaikan masalah kekurangan ikan di tepi pantai terutama nelayan kecil.

"Saya berharap satu penyelesaian pragmatik dan rasional bagi mengurangkan masalah penangkap ikan kecil-kecilan ini," ujar nya.

Timbalan Perdana Menteri berharap, penyelesaian tersebut dapat dituai bersama memandangkan masalah yang sama dihadapi oleh Negara-Negara ASEAN.

Kalanya, beliau mencadangkan kerjasama erat dalam mengatasi masalah ini tidak saja di kalangan negara ASEAN juga di antara ASEAN dan negara antarabangsa serta agensi serantau yang mempunyai pakar dalam bidang ini.

Beliau menambah, penyelesaian pragmatik yang boleh diberikan ialah pemasaran, kredit, subsidi dan bantuan lain yang diperlukan nelayan seperti itu.

"Peluang untuk mengembang dan mengurus menangkap ikan di perairan pantai kini terbuka berlandaskan perjanjian zon eksklusifekonomi.

Bagaimanapun, katanya, kita masih kekurangan teknologi, saintifik dan pakar pengurusan untuk mengendalikannya penangkapan ikan seperti itu.

"Kita akan dapat mengatasi kelemahan ini dengan mendapatkan bantuan dari luar di samping kita sendiri serba sedikit mempunyai kepakaran berkenaan," tegasnya.

Datuk Musa juga berharap ASEAN akan dapat mengembangkan teknologi tumbuhan terutama bidang kejuruteraan pembiakan.

Katanya, teknologi ini perlu bagi menyediakan baja murah kepada tumbuhan-tumbuhan.



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berucap merasmikan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN di Hotel Equatorial, Kuala Lumpur semalam. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia